



MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM)
KENYATAAN SEBUT HARGA

Pelawaan ini adalah terbuka kepada pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), masih sah tempoh pendaftaran serta dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan perkhidmatan seperti berikut:

No. Tawaran	Keterangan Tawaran	Kelayakan / Kod Bidang (MOF)	Harga Dokumen
MPM/SH/04/2026	SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWA GUNA DAN PENYELENGGARAAN SEMBILAN (9) MESIN PENYALIN MULTIFUNGSI TERMASUK BEKALAN BAHAN GUNA HABIS UNTUK MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM) BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN	020201 (BIDANG PERABOT, PERALATAN PEJABAT, HIASAN DALAMAN DAN DOMESTIK SUB BIDANG MESIN-MESIN PEJABAT DAN AKSESORI) DAN 221502 (BIDANG PERKHIDMATAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN SUB BIDANG MESIN DAN PERALATAN PEJABAT)	PERCUMA

CARA MENDAPATKAN DOKUMEN: Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi secara percuma melalui laman web rasmi Majlis Perubatan Malaysia (MPM) di <https://mmc.gov.my> mulai **19 JUN 2026** atau boleh muat turun di sini [Dokumen Sebut Harga](#) .

CARA MENGHANTAR DOKUMEN: Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri atau ditutup menggunakan pita pelekat (*seal tape*) serta ditulis nombor tawaran **MPM/SH/04/2026** pada bahagian kiri atas sampul surat. Dokumen tersebut perlu dimasukkan ke dalam peti tawaran yang telah ditetapkan pada atau sebelum **9 JULAI 2026 jam 12.00 tengah hari**.

TARIKH TUTUP DAN MASA:

Sebut harga ini akan ditutup pada tarikh **9 JULAI 2026 jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

TAKLIMAT SEBUT HARGA:

Pembida adalah **DIJEMPUT** untuk menghadiri sesi taklimat yang akan berlangsung pada tarikh **25 JUN 2026 jam 10.00 pagi** di Majlis Perubatan Malaysia.

Sebarang pertanyaan berhubung sebut harga ini, boleh dikemukakan kepada pegawai berikut:

Untuk Syarat Am Sebut Harga	Untuk Spesifikasi Teknikal
Nama: En. Amsyar bin Anuar No. telefon : 03-90782171 ext: 124	Nama: En. Mohamad Ruzaidi bin Ahmad Mustar No. telefon : 03-90782171 ext: 138

MPM tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga yang dikemukakan serta berhak untuk tidak memberikan sebarang sebab atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.